



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 rekod kadar kepatuhan meningkat pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya

Tarikh: 27 Februari 2024

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna telah merekodkan penurunan jumlah pengeluaran kompaun dan notis amaran di bawah tindakan penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 sepanjang tahun 2023. Jumlah kompaun dan notis amaran yang dikeluarkan masing-masing menurun sebanyak 21% dan 42% iaitu dari 61 kompaun dan 181 notis amaran pada tahun 2022 kepada 48 kompaun dan 104 notis amaran pada tahun 2023.
2. Ini mencerminkan peningkatan kepatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 di kalangan para peniaga di mana secara keseluruhan, kadar kepatuhan bagi tahun 2023 telah meningkat kepada lebih 96%, berbanding 91% pada tahun sebelumnya.
3. Tindakan penguatkuasaan yang positif ini adalah hasil daripada pemeriksaan harian ke atas premis-premis perniagaan di keempat-empat daerah, pemeriksaan bersepadu bersama agensi penguatkuasa lain dan pemberiagan secara berterusan bagi mempromosi kepatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

4. Kesalahan yang kerap didapati adalah berkaitan dengan Perintah Paparan Tanda Harga iaitu kegagalan mempamerkan tanda harga pada barangan yang dijual di dalam premis perniagaan atau mempamerkan tanda harga yang tidak selaras dengan harga di dalam sistem kaunter pembayaran. 42% daripada kesalahan berkenaan adalah hasil pemeriksaan daripada aduan rasmi. Kesalahan lain termasuk menjual barangan yang dikawal harga seperti minyak masak dan susu tepung formula anak damit melebihi harga maksimum yang ditetapkan.
5. JPES menasihatkan para peniaga untuk sentiasa mengamalkan perniagaan yang beretika ke arah meningkatkan keyakinan pengguna dan untuk mematuhi harga maksimum yang ditetapkan bagi barangan yang dikawal harga sepertimana yang disiarkan melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan laman sesawang JPES.
6. Di kesempatan ini, JPES merakamkan penghargaan kepada para peniaga yang memberikan kerjasama dalam mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142. JPES juga berharap agar para pengguna akan terus menyalurkan sebarang pertanyaan melalui saluran rasmi aplikasi PenggunaBijak, Talian Darussalam 123 atau e-mel aduanpengguna@ipes.gov.bn bagi penilaian lanjut, dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar.
7. Maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh diperolehi melalui aplikasi PenggunaBijak dan laman sesawang www.deps.mofe.gov.bn/cad.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi